

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 5 MAC 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L16201
Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah dan strategi Kerajaan ke atas pembangunan ekonomi wilayah di Semenanjung agar peluang kerja serta aktiviti ekonomi dirancakkan selaras dengan data anggaran Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) isi rumah 2025 di setiap daerah.
2. PN-1551-L15983
Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah pelan atau langkah konkrit Kerajaan untuk menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas yang berlarutan di Cameron Highlands dan adakah pembinaan jalan alternatif seperti jambat (flyover) sedang dipertimbangkan.
3. PN-1551-L15738
Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan bagi menyelesaikan isu krisis kekurangan simpanan dana hari tua bagi warganegara menjelang umur persaraan serta apakah mekanisme kewangan yang dicadangkan untuk meningkatkan jumlah simpanan terutamanya golongan rentan memandangkan kos sara hidup dan perubahan terus meningkat.
4. PN-1551-L15796
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan dasar penurunan had umur belia kepada 30 tahun yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 serta impak sebenar dasar ini terhadap jumlah keahlian dan kelangsungan persatuan-persatuan belia khususnya di kawasan luar bandar dan berpendapatan rendah.

5. PN-1551-L15706
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian untuk mempersiapkan infrastruktur penerbangan dan pelabuhan nasional negara ke arah mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah hab logistik kargo udara dan maritim serantau sekaligus memastikan penyesuaian kapasiti pelabuhan negara dengan realiti perkapalan dan rantaian bekalan baharu.

6. PN-1551-L15730
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penjelasan pihak Kementerian berkaitan statistik terkini murid-murid yang berdaftar dengan aliran Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan julat perbezaan seorang guru dengan murid aliran PPKI ini.

7. PN-1551-L15821
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mengawal harga, rantaian bekalan dan kos pengangkutan barangan keperluan ke kawasan pedalaman.

8. PN-1551-L16412
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) sama ada Kerajaan memberi insentif kepada wanita yang perlu mempunyai kerjaya sendiri pada masa yang sama perlu menjaga hal ehwal rumah tangga termasuk menjaga anak-anak selain ibu bapa yang uzur; dan
 - (b) senarai bantuan Kerajaan yang ditawarkan kepada golongan wanita tersebut.

9. PN-1551-L16358
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha yang dijalankan untuk memastikan tahap kesedaran digital ditingkatkan dalam kalangan warga emas, dan sejauh manakah pencapaiannya.

10. PN-1551-L16161

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh manakah tahap kesiapsiagaan komuniti pedalaman dan luar bandar dalam mengadaptasi teknologi kecerdasan buatan (AI) termasuk cabaran utama dari segi infrastruktur, literasi digital dan akses kepada latihan serta apakah perancangan jangka panjang Kementerian bagi memastikan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar dapat dirapatkan melalui penggunaan AI.

11. PN-1551-L15555

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tahap sambutan ke atas salah satu program di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) iaitu Family Psychological First Aid (F-PFA) sejak ia diperkenalkan sehingga kini dan adakah ia telah mencapai objektif yang disasarkan.

12. PN-1551-L16006

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) apakah strategi yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk menangani penyebaran berita palsu tanpa menjejaskan kebebasan bersuara rakyat, memandangkan penyebaran berita palsu boleh menjejaskan keharmonian sosial, namun kebebasan bersuara perlu terus dihormati; dan
- (b) apakah mekanisme penguatkuasaan yang adil serta langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan literasi media dalam kalangan rakyat agar mereka lebih berupaya mengenal pasti dan menilai kesahihan maklumat.

13. PN-1551-L15875

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah peranan yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan untuk merencanakan perkembangan aktiviti perdagangan di Pelabuhan Tok Bali, Pasir Puteh dalam usaha menjadikannya pusat perdagangan utama dan hab halal di Pantai Timur.

14. PN-1551-L16169

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah negara kita bersedia untuk menggunakan teknologi dron dalam pertahanan negara, memandangkan landskap medan peperangan amat berlainan sekarang seperti yang boleh dilihat di Ukraine.

15. PN-1551-L15835
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penggunaan subsidi Budi95 di semua stesen minyak dan adakah Kementerian berhasrat untuk menambah kuota 300 liter kepada 400 liter pada masa akan datang.
16. PN-1551-L16313
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan Kerajaan dalam mengimbangi penggunaan kecerdasan buatan (AI) dengan perlindungan peluang pekerjaan rakyat tempatan, khususnya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.
17. PN-1551-L15737
Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kerajaan memilih untuk menggunakan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bagi memudahkan urusan pentadbiran para peniaga, sedangkan sistem ini mempunyai kapasiti kutipan hasil yang lebih rendah serta risiko tersembunyi seperti cukai terkompoun, berbanding sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang terbukti lebih cekap dan telus bagi ekonomi.
18. PN-1551-L15997
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah bersih kehilangan tenaga mahir Malaysia setakat 2025, dan sejauh mana dasar sedia ada berjaya membalikkan trend penghijrahan ini.
19. PN-1551-L15649
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengiktiraf dan menyokong peranan wanita dalam sektor penjagaan (tanpa gaji), termasuk menjaga anak, suami terlantar, warga emas dan ahli keluarga sakit, melalui dasar sokongan yang lebih menyeluruh.
20. PN-1551-L15588
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kerajaan untuk mengurangkan birokrasi yang menghalang proses pembayaran dalam menyelesaikan kelewatan tuntutan Cukai Jualan dan Barang (GST) yang tertanggung sekaligus memastikan pembayaran dibuat segera kepada mereka yang layak.

21. PN-1551-L15954

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap majikan yang menawarkan kadar gaji yang tidak setimpal dengan kos sara hidup semasa.

22. PN-1551-L15747

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah sekolah yang telah mempunyai *SmartTV* atau *Smart Board* dalam usaha mengangkat agenda pendigitalan pendidikan; dan

(b) berapakah jumlah sekolah yang masih belum mempunyai kemudahan seperti ini di dalam setiap kelas mereka.

23. PN-1551-L15693

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi menggerakkan program keusahawanan belia melalui pelaksanaan kursus serta aktiviti keusahawanan yang berkesan bagi membentuk golongan belia yang berdikari dan berdaya saing dalam bidang ekonomi.

24. PN-1551-L15669

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk melengkapkan sambungan lingkaran yang menghubungkan laluan MRT dari Kajang melalui Bangi untuk terus ke Putrajaya memandangkan Bangi dan kawasan sekitarnya merupakan kawasan berhampiran pusat pentadbiran Persekutuan yang padat penduduk dengan penempatan yang pesat membangun.

25. PN-1551-L15671

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai hasrat atau cadangan untuk menubuhkan saluran televisyen antarabangsa seperti Televisyen Republik Turki, Russia Today atau Channel News Asia Singapura bagi menyampaikan perspektif Malaysia dalam pelaporan isu serta berita tempatan dan antarabangsa.

26. PN-1551-L16381
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan laporan penilaian semasa Kerajaan terhadap penggunaan MyKad di stesen minyak serta implikasinya terhadap penambahbaikan penyasaran subsidi bahan api.
27. PN-1551-L15898
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah mitigasi sementara yang diambil untuk melindungi penduduk di sembilan kampung di Kuala Nerus daripada kesan monsun dan adakah Kerajaan melalui agensi berkaitan menyediakan bantuan kewangan memandangkan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Kuala Nerus hanya dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2027.
28. PN-1551-L15847
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian bersedia mengkaji semula nisbah 1 Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) bagi 350 murid serta mempertimbangkan supaya setiap sekolah Orang Asli mempunyai sekurang-kurangnya seorang GBK tanpa terikat kepada kuota tersebut.
29. PN-1551-L15562
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapakah perancangan membina *flyover* di persimpangan Pekan Saratok tidak diperuntukkan bagi tahun 2026 dan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan permohonan ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).
30. PN-1551-L16153
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) bagi Sarawak dan Sabah dengan panel pesuruhjaya yang berasingan memandangkan kelewatan yang berpanjangan dalam perbicaraan dan penyelesaian kes-kes dari Sarawak dan Sabah.
31. PN-1551-L15589
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) mengapakah kemasukan murid ke Tahun 1 pada usia 6 tahun tidak diwajibkan, sebaliknya hanya bergantung kepada kesediaan ibu bapa, termasuk pemberian pengecualian kepada ibu bapa yang belum bersedia; dan

- (b) apakah kesan penangguhan kemasukan terhadap murid yang ketinggalan selama satu tahun.
32. PN-1551-L15929
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap aduan jalan berlubang dan rosak yang mengambil masa yang lama untuk dibaiki sedangkan ia mengancam keselamatan pengguna jalan raya.
33. PN-1551-L15767
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penjimatan tahunan Kerajaan hasil daripada rasionalisasi subsidi bahan api RON95 sejak pelaksanaannya serta unjuran penjimatan bagi tahun 2026.
34. PN-1551-L16392
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status tindakan penguatkuasaan terhadap kes penderaan kanak-kanak di taska dan pusat jagaan serta apakah langkah pencegahan yang telah dan akan diperkukuh bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang.
35. PN-1551-L16216
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kerajaan menyediakan dana permulaan (*start-up*) atau bantuan bersesuaian kepada rakyat di kawasan luar bandar bagi memulakan perniagaan akar umbi berteraskan produk kampung seterusnya menyediakan platform perniagaan digital agar pemasaran produk mereka dapat diperluaskan ke peringkat lebih tinggi.
36. PN-1551-L16075
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status semasa Program 15-to-5 Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan armada TLDM terus berada pada tahap kesiapsiagaan optimum walaupun menghadapi peruntukan pertahanan yang terhad serta kelewatan projek yang serius.

37. PN-1551-L16276

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian telah melaksanakan audit terhadap kapasiti ruang fizikal di sekolah-sekolah kawasan bandar yang sedia padat, termasuk keupayaan tenaga pengajar, bagi menampung kemasukan murid Darjah 1 pada umur 6 tahun; dan
- (b) apakah strategi Kementerian jika kemasukan murid melebihi kapasiti ruang fizikal sekolah dan kekuatan anggota guru yang tersedia.

38. PN-1551-L15837

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperluaskan semua kategori barangan keperluan asas dalam bantuan SARA RM100 termasuk kategori barangan basah seperti ayam, daging dan sayur.

39. PN-1551-L16432

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) layak menerima dana Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi melaksanakan program atau projek yang khusus bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat.

40. PN-1551-L15580

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bersedia memperkasa KUSKOP dengan menyerap agensi MATRADE dan MDEC supaya akses pasaran, digitalisasi dan pembiayaan SME diselaraskan di bawah satu kerangka nasional; dan
- (b) apakah pelan rasionalisasi untuk mengurangkan kos pertindihan, struktur berpecah dan kekeliruan pada usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

41. PN-1551-L15884

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai tuntutan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) dalam sistem pendidikan negara, memandangkan ia jelas bertentangan dengan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan tidak selari dengan Dasar Pendidikan Negara.

42. PN-1551-L16115
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan kadar had laju maksimum bagi kenderaan ringan di semua lebuh raya Malaysia daripada 120 km sejam kepada 130 km sejam.
43. PN-1551-L16031
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah/pelan tindakan tahun 2026 untuk mempercepat kenaikan gaji sebenar (*real wage*) dan pengembangan latihan semula (*reskilling*) bagi pekerja sektor perkhidmatan/industri di Selangor.
44. PN-1551-L15994
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah sistem data nasional membolehkan penyasaran bantuan sosial yang tepat dan apakah langkah konkrit untuk mengelakkan pertindihan bantuan antara agensi.
45. PN-1551-L15951
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak sebenar penstrukturan semula subsidi terhadap kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.
46. PN-1551-L15964
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah garis masa pelaksanaan pembaikan menyeluruh dengan peruntukan RM1.125 bilion memandangkan lebih separuh daripada jalan di Sabah termasuk jalan persekutuan, negeri dan kampung telah melepasi jangka hayat reka bentuk sehingga meningkatkan risiko keselamatan dan kos penyelenggaraan serta apakah mekanisme pemantauan yang akan dilaksanakan bagi memastikan jalan-jalan tersebut tidak cepat rosak semula.
47. PN-1551-L16008
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah faktor sebenar yang menyebabkan sasaran 31% kapasiti tenaga boleh baharu masih belum dicapai, walaupun peruntukan dan insentif telah diumumkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) menjelang tahun 2025.

48. PN-1551-L16041
Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar kebolehpasaran graduan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dalam tempoh 6 bulan selepas tamat latihan dalam bidang latihan yang diikuti.
49. PN-1551-L15705
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi bersepadu sekolah untuk membina daya tahan digital dalam kalangan kanak-kanak dan ibu bapa termasuk kurikulum dan hab sumber berpusat untuk ibu bapa memahami kawalan keibubapaan, tetapan privasi, mekanisme pelaporan merentasi platform dan peranti utama yang digunakan oleh anak-anak mereka.
50. PN-1551-L15641
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperluaskan pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dalam bentuk bantuan bulanan kepada pelajar pusat pengajian tinggi daripada golongan asnaf, B40 dan M40 bagi menampung kos sara hidup yang semakin tinggi di institusi pengajian.
51. PN-1551-L15985
Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Central Spine Road dijangka siap sepenuhnya dan mula beroperasi bagi memberikan manfaat kepada pengguna jalan raya di Pantai Timur.
52. PN-1551-L15544
Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) berapakah bilangan belia luar bandar daripada masyarakat Bumiputera Siam yang telah menerima latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dari tahun 2023 hingga 2025; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan lebih ramai golongan ini menyertai program yang telah disediakan Kerajaan khususnya di peringkat Kementerian.

53. PN-1551-L15765

Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan ketelusan dalam sistem perolehan Kerajaan, khususnya berkaitan rundingan terus dan apakah mekanisme semak imbang yang diwujudkan bagi mencegah ketirisan.

54. PN-1551-L15995

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan koperasi yang dikategorikan sebagai tidak aktif atau dormant. Apakah langkah pemulihan atau pembubaran yang telah diambil dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan ini, serta jumlah koperasi yang berjaya dipulihkan atau ditamatkan pendaftarannya.

55. PN-1551-L16333

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapa kadar keciciran murid India mengikut peringkat pendidikan termasuk sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas bagi tahun terkini; dan
- (b) berapa peratus perbandingannya dengan purata nasional, serta faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada keciciran tersebut.

56. PN-1551-L15546

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menyediakan platform untuk memberi pendedahan, bantuan permulaan perniagaan serta latihan kepada masyarakat Bumiputera Siam supaya mereka dapat bergiat aktif dalam perniagaan dan menambah pendapatan seperti kaum-kaum yang lain di Malaysia.

57. PN-1551-L16248

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian telah menetapkan tarikh siap untuk keseluruhan projek ECRL.

58. PN-1551-L15817
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan menyeluruh Kerajaan untuk memperluas liputan internet berkualiti dan telekomunikasi yang stabil di kampung-kampung pedalaman Sarawak yang masih berada di bawah paras minimum serta apakah perkhidmatan liputan internet 5G yang telah disediakan di semua daerah pedalaman di Sarawak.
59. PN-1551-L15793
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan strategi penyelesaian bagi projek-projek infrastruktur awam seperti hospital, sekolah dan jambatan serta berapakah statistik mengikut pecahan negeri dan Kementerian yang sedang mengalami kelewatan melebihi dua bulan atau 20 peratus daripada jadual yang ditetapkan memandangkan kelewatan ini memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat.
60. PN-1551-L15866
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan halangan sebenar peralihan tenaga hijau dalam konteks kos, teknologi dan kebergantungan bahan api fosil.
61. PN-1551-L16352
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusuf minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa reformasi pendidikan tidak hanya tertumpu kepada sukatan pelajaran, tetapi turut membina akhlak, adab dan nilai kemanusiaan pelajar.
62. PN-1551-L16238
Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes psikososial dan perundangan bagi wanita di negeri Melaka sehingga Disember 2025 dan sejauh mana khidmat ini membantu kumpulan ini menangani masalah rumah tangga, keganasan domestik dan isu nafkah anak.
63. PN-1551-L16211
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
(a) berapakah baki peruntukan belanjawan tahun 2025 bagi pembangunan negeri Sabah yang jumlah peruntukan asalnya sebanyak RM6.7 billion; dan

- (b) apakah cadangan Kementerian bagi memastikan dana belanjawan ini dapat diberikan sepenuhnya pada setiap tahun untuk tujuan pembangunan negeri Sabah.
64. PN-1551-L15665
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha serta tindakan tegas yang telah diambil terhadap kenderaan berat yang melanggar peraturan larangan memasuki beberapa lebuhraya pada waktu puncak walaupun larangan tersebut telah ditetapkan, dan adakah terdapat cadangan untuk memperluaskan pelaksanaan larangan ini ke semua lebuhraya di Lembah Klang.
65. PN-1551-L16331
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah murid daripada masyarakat India di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah bagi tahun terkini, serta peratus perwakilan mereka berbanding komposisi penduduk India di peringkat nasional, dan adakah wujud trend peningkatan atau penurunan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.
66. PN-1551-L16081
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan strategik Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur khususnya melalui Tun Razak Exchange sebagai pusat kewangan global dan apakah langkah konkrit bagi menarik pelaburan, memperkukuh daya saing dan menyaingi pusat kewangan serantau seperti Singapura dan Hong Kong.
67. PN-1551-L15582
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah strategi menyeluruh Kementerian bagi meningkatkan aspek keselamatan jalan raya dan menurunkan kadar kemalangan maut, termasuk penguatkuasaan, pendidikan pemandu, penggunaan teknologi amaran, penyelenggaraan infrastruktur dan kaedah perubahan aliran trafik di jalan-jalan utama terpilih.
68. PN-1551-L15698
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan impak Program Audit Bahasa Melayu terhadap peningkatan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara selaras dengan peruntukan Perkara 1(6) Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Awam.

69. PN-1551-L15963

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menilai impak peruntukan kira-kira RM17.5 bilion kepada Sabah pada tahun 2026 terhadap pertumbuhan ekonomi dan pengurangan jurang pembangunan berbanding negeri-negeri lain serta apakah mekanisme pemantauan yang disediakan bagi memastikan perbelanjaan tersebut mencapai sasaran yang telah dipersetujui.

70. PN-1551-L16118

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian mengambil perhatian terhadap kebimbangan media terhadap kebebasan wartawan di dalam membuat laporan yang mungkin mendedahkan mereka kepada tindakan tahanan atau tuduhan atas laporan sesuatu maklumat salah guna kuasa atau salah laku yang melibatkan orang-orang yang berkuasa dan kenamaan; dan
- (b) apakah titik pertemuan di dalam mengimbangi antara penerbitan berita yang sahih dan maklumat palsu.

71. PN-1551-L16394

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hala tuju Kerajaan berhubung pelaksanaan Single Tax Agency termasuk cadangan pengkorporatan serta penyatuan fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

72. PN-1551-L16273

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan isu sosioekonomi yang sering mempengaruhi prestasi akademik pelajar India dan juga anak suku kaum lain, adakah Rancangan Pendidikan Negara (RPN) akan memperkenalkan jawatan Pegawai Kebajikan Pendidikan yang ditempatkan di sekolah-sekolah berisiko tinggi untuk memantau kehadiran dan kebajikan emosi pelajar secara lebih dekat.

73. PN-1551-L15769

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan berpanjangan dalam bayaran balik cukai korporat; dan
- (b) langkah-langkah pembetulan yang diambil bagi mempercepatkan proses bayaran balik tersebut.

74. PN-1551-L15631

Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan tahap sosioekonomi golongan OKU melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

75. PN-1551-L16290

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan berkenaan desakan agar Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) diiktiraf dan adakah UEC mempunyai kandungan yang selari dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) khususnya dari sudut sejarah, perlembagaan dan aspek kenegaraan.

76. PN-1551-L16367

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan peniaga yang tidak mendaftar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan telah dikenakan caj bayaran balik, serta apakah langkah yang disediakan bagi peniaga supaya membayar balik cukai tersebut.

77. PN-1551-L15971

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah strategi Kementerian untuk memastikan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Sekuriti Serudong bukan sahaja berfungsi sebagai pos pemeriksaan sempadan tetapi juga diintegrasikan secara efektif ke dalam platform BIMP-East ASEAN Growth Area bagi mempertingkatkan perdagangan, pelancongan dan mobiliti pekerja antara Sabah, Kalimantan dan Selatan Filipina; dan
- (b) apakah insentif atau dasar Kerajaan bagi menarik pelabur dan pengusaha untuk menggunakan laluan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Sekuriti Serudong termasuk dalam sektor perdagangan, logistik dan pelancongan bagi memaksimumkan potensi ekonomi rantau BIMP-East ASEAN Growth Area.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R.44/2025) | Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|-----------------|--|-------------------------------|

[Jabatan Perdana Menteri]

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R.1/2026) | Rang Undang-undang Rapid Transit System Link Johor Baru-Singapura 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|--|-------------------------------|

[Menteri Dalam Negeri]

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 3. | (D.R.2/2026) | Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|---|-------------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 4. | (D.R.3/2026) | Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|---|-------------------------------|

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

5.	(D.R.6/2026)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2025) 2026	Bacaan Kali Yang Kedua
----	----------------	---	---------------------------------------

[Menteri Keuangan]

6.	(D.R.33/2025)	Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025	Bacaan Kali Yang Kedua
----	-----------------	--	---------------------------------------

[Menteri Sumber Manusia]